

森州水务公司将从6月3至10日启动紧急行动中心，协助解决州内在开斋节期间可能会发生的水供问题。



## 啓動緊急行動中心應對制水

# 森水務500人開齋節候命

(芙蓉1日讯) 为了避免开斋节期间出现制水情况，森州水务公司将从6月3至10日，启动紧急行动中心（PTK），并将安排近500名工作人员候命应对制水。

森州水务公司公共关系组主任哈嘉诺吉达发文告指出，紧急行动中心会设于芙蓉新城的水务公司办公室，在上述期间，该中心将在每天的16小时内，以轮班制方式进行运作，分别是上午8时至下午4时，以及下午4时至午夜12时。

她说，该中心除了会协助处理州内各地的

水供问题，也会监督各地的平衡水池（Kolam Imbangan）。

### 水供有问题可拨打热线

她指出，该中心会安排近500名工作人员，应付佳节期间所发生的水供问题，并会立即采取行动，以避免苦了市民。同时，该中心会准备91辆行动交通、罗里、水槽罗里及挖掘机械，以应付突发状况。

她劝告民众在佳节期间谨慎用水，市民若面对水供问题，可拨打水务公司24小时的热线1800-88-6982。

深切哀悼  
波德申

# 水務公司配合開齋節

## 今起啓動水供應急計劃

(芙蓉2日讯) 森州水务公司将于6月3日至10日的开斋节期间, 启动佳节水供应急计划。

森州水务公司公关主任诺芝达发文告说, 此项佳节水供应急计划是为了监督全森各地在佳节期间可能发生的水供中断问题, 同时尽快处理用户针对水供中断的投诉。

她指出, 在佳节期间用户的用水量是平时的数倍。

她说, 在该项佳节水供应急计划下, 森州水务公司将在芙蓉新城设立每天操作16小时的佳节水

供应急计划中心, 该中心分为两个轮班制, 从早上8时至下午4时, 从下午4时至午夜12时。

她说, 除了处理每个县的投诉, 佳节水供应急计划中心也会监督州内各滤水池的储水量。

她说, 约500名来自州内各县及部门的森州水务公司员工参与该

项佳节水供应急计划, 另备有91辆交通工具随时准备就绪, 包括罗厘、水槽车、挖泥机等。

森州水务公司也呼吁用户在佳节来临期间节省用水, 别浪费珍贵的水源。

任何水供问题可致电24小时热线: 1-800-88-698。

Get **ENERGY** Sector News Updates  
via [energy.bernama.com](http://energy.bernama.com)

TERKINI / LATEST

EcoWorld shares up on new JV with PowerChina [ 42m ago ]



## Pekerja SAINS ditemukan lemas selepas terjatuh dalam loji

Tarikh kemaskini: 14/06/2019



SEREMBAN, 14 Jun (Bernama) -- Seorang pekerja Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) ditemukan lemas selepas terjatuh ke dalam loji air ketika sedang membuat kerja penyelenggaraan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi, Rantau, petang tadi.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Rantau, Pegawai Penguasa Kanan Bomba K. Putthisigamany berkata dalam kejadian 2.30 petang itu, mangsa yang dikenali sebagai Mahazir Hanif Idrus, 38, dari Felda Selancar 2 di Segamat, Johor, dipercayai sedang membetulkan lampu titi di tengah loji sebelum jatuh ke dalam loji akibat tiang lampu berkenaan patah.

“Loji tersebut mempunyai kedalaman lima meter dan dasarnya berlumpur. Jadi pihak bomba perlu menunggu air tersebut dikeluarkan terlebih dahulu sebelum membolehkan operasi mengeluarkan mangsa dilakukan.

“Operasi ini mengambil masa selama 45 minit dan mangsa berjaya dikeluarkan pada jam 3.30 petang tadi,” katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Katanya, mangsa disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan sebelum diserahkan kepada pihak polis untuk

menerima panggilan kecemasan pada 2.34 petang.

-- BERNAMA




**BEYOND PARADIGM SUMMIT 2019 - 17-18 July, MITEC KL | 20-21 July, Pullman, Kuching**

**Berita Utama Terdahulu**

- Cambridge Union: audiens tertarik syarahan Tun
- AS didakwa lancar perang kewangan, politik terhadap Palestin
- JCorp catat perolehan RM5.62 bilion
- Dr Mahathir serikan sambutan Aidilfitri di London
- Malaysia belum terima permohonan ekstradisi Zakir Naik - TPM

▼ iklan



BERITA (/BERITA) » Kes (/berita/kes)  
 Jumaat, 14 Jun 2019 | 6:12pm



Cari Kata Kunci



ANGGOTA bomba mengeluarkan mangsa yang terjatuh ke dalam Loji Rawatan Air Sungai Linggi, hari ini. - Foto ihsan bomba

## Kakitangan SAINS lemas jatuh loji



Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi  
 tuty@bh.com.my (mailto:tuty@bh.com.my)

Share

(<https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/06/574268/kakitangan-sains-lemas-jatuh-loji>)

Tweet

([https://twitter.com/intent/tweet?](https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=Kakitangan%20SAINS%20lemas%20jatuh%20loji&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/06/574268/kakitangan-sains-lemas-jatuh-loji)

[ref\\_src=twsrc%5Etfw&text=Kakitangan%20SAINS%20lemas%20jatuh%20loji&tw\\_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/06/574268/kakitangan-sains-lemas-jatuh-loji](https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=Kakitangan%20SAINS%20lemas%20jatuh%20loji&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/06/574268/kakitangan-sains-lemas-jatuh-loji))

Share

(<https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/06/574268/kakitangan-sains-lemas-jatuh-loji>)

**SEREMBAN:** Seorang kakitangan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) ditemui lemas selepas terjatuh ke dalam Loji Rawatan Air Sungai Linggi, Rantau, di sini.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Rantau, K Putthisigamany, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 2.34 petang dan bergegas ke tempat kejadian bersama satu jentera dan lapan anggota.

Katanya, Mahazir Hanif Idrus, 38, sebelum itu membuat kerja menyelenggara loji bersama seorang rakannya, sebelum dikatakan terjatuh ke dalam loji berlumpur sedalam lima meter.

"Bomba berjaya menemui mangsa kira-kira jam 3.30 petang di dasar loji selepas mengeluarkan air dari loji berkenaan terlebih dahulu," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, mayat mangsa kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

## Berita Berkaitan

(/node/263165)

**1 maut, 8 parah kemalangan 3 kenderaan (/node/263165)**

(/node/145871)

**Kereta terbabas terjunam ke parkir bawah tanah (/node/145871)**

(/berita/politik/2019/03/547033/malar-hanya-mula-kempen-dua-hari-lagi)

**Malar hanya mula kempen dua hari lagi (/berita/politik/2019/03/547033/malar-hanya-mula-kempen-dua-hari-lagi)**

(/node/283598)

**3 keluarga hilang tempat tinggal (/node/283598)**

(/node/136825)

**Along didakwa membunuh (/node/136825)**

(/berita/kes/2017/10/338526/sains-didenda-rm220000)

**SAINS didenda RM220,000 (/berita/kes/2017/10/338526/sains-didenda-rm220000)**

(/berita/politik/2019/03/547031/zahid-penuhi-janji)

**Zahid penuhi janji (/berita/politik/2019/03/547031/zahid-penuhi-janji)**

(/berita/nasional/2019/04/551834/sidang-parlimen-kegang-masa-pemimpin-ph-bantu-kempen-prk)

**Sidang Parlimen kegang masa pemimpin PH bantu kempen PRK (/berita/nasional/2019/04/551834/sidang-parlimen-kegang-masa-pemimpin-ph-bantu-kempen-prk)**

Sponsored Content

Recommended by

### This Company needs 1,000 people to test new Hearing Aid technology in Seremban

Hear.com

(https://my.cdn.hear.com/en\_tester/?aud\_c=tb593-

1&utm\_content=651471&utm\_publisher\_ID=\$publisher\_id&act=act0000016534act&utm\_source=outbrain&utm\_medium=display&utm\_campaign=my-

en\_hear\_display\_acq\_outbrain\_tester\_desktop\_main\_act0000016534act&utm\_section\_ID=\$section\_id&utm\_creative\_ID=006b3a4581a04df33ceaf7be171b643f3d&aud\_adcopy='

### Cara memutihkan gigi dalam 2 menit

The Healthcare Tips

(http://celand-butimal.com/612e674d-2122-41cf-96cd-c83c1ed9b1d3?

ad1=Cara+memutihkan+gigi+dalam+2+menit&ad2=0079d30e7522557c3dccc2af4d4deb

○
●
●

Women
Shoes  
Joan Studded  
Sandals In Beige
Shoes  
Tessa Mules In  
Nude
Long Sleeves  
Rose Top In  
Salmon
Shoes  
Zoha Sandals 2.0  
In Nude

**HERMO 7<sup>th</sup> Anniversary**

L'OREAL PARIS NYX MAYBELLINE GARNIER

**MASSIVE DISCOUNT**

12 - 17 JUNE 2019

**UP TO 80%**

HERMO.MY

# Lemas terjatuh dalam loji rawatan air

MyMetro (<https://www.hmetro.com.my>) > Mutakhir (<https://www.hmetro.com.my/mutakhir>)

Share

(<https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/06/465224/lemas-terjatuh-dalam-loji-rawatan-air>)

Tweet

([https://twitter.com/intent/tweet?ref\\_src=twsrc%5Etfw&text=Lemas%20terjatuh%20dalam%20loji%20rawatan%20air&tw\\_p=tweetbutton&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/06/465224/lemas-terjatuh-dalam-loji-rawatan-air](https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=Lemas%20terjatuh%20dalam%20loji%20rawatan%20air&tw_p=tweetbutton&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/06/465224/lemas-terjatuh-dalam-loji-rawatan-air))

Share

(<https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/06/465224/lemas-terjatuh-dalam-loji-rawatan-air>)



ANGGOTA bomba mengangkat mayat mangsa. FOTO ihsan bomba

Raja Noraina Raja Rahim  
[rnoraina@hmetro.com.my](mailto:rnoraina@hmetro.com.my)

(<mailto:rnoraina@hmetro.com.my>)

NGAN Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) ditemui lemas selepas tergelincir ketika melakukan kerja penyelenggaraan di Loji Rawatan Air Sungai Linggi, Rantau, Jan, hari ini.

Mahazir Hanif Idrus, 38, ditemui di dalam kolam takungan air sedalam lima meter oleh pasukan mencari dan menyelamatkan (SAR) pada jam 3.30 petang.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Rantau, K Putthisigamany berkata, pihaknya menerima panggilan kejadian itu jam 2.34 petang dan satu jentera dengan kekuatan lapan anggota dikejarkan ke lokasi.

"Sebaik tiba, kami dimaklumkan mangsa tenggelam di dalam kolam takungan air. Ketika kejadian, mangsa bersama seorang rakan membuat kerja penyelenggaraan sebelum tergelincir jatuh.

"Bomba terpaksa mengeluarkan air terlebih dulu sebelum anggota turun dan melakukan pencarian. Mangsa berjaya ditemui di dasar loji," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Putthisigamany berkata, operasi tamat sepenuhnya pada jam 3.45 petang.

Beliau berkata, mayat dihantar ke Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS) dan kes diserahkan kepada polis.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 14 Jun 2019 @ 5:31 PM

## Berita Berkaitan

---

(/node/226129)

**Mayat mangsa tergelincir ditemui (/node/226129)**

(/node/225916)

**Cari lelaki tergelincir ke dalam sungai (/node/225916)**

(/node/220700)

**4 beranak antara 5 cedera (/node/220700)**

(/node/116157)

**Remaja ditemui lemas (/node/116157)**

(/node/199287)

**Lemas cuci kolam ikan (/node/199287)**

(/mutakhir/2019/01/410024/polis-cari-waris-mangsa-bunuh)

**Polis cari waris mangsa bunuh (/mutakhir/2019/01/410024/polis-cari-waris-mangsa-bunuh)**

## Popular

(/mutakhir/2017/05/228038/gangguan-air-di-hulu-selangor)

**Gangguan air di Hulu Selangor (/mutakhir/2017/05/228038/gangguan-air-di-hulu-selangor)**

(/node/118373)

**Budak 11 tahun lemas dalam kolam takungan (/node/118373)**





>> EDISI > MELAKA NS > Lemas terjatuh ketika betulkan lampu

# Lemas terjatuh ketika betulkan lampu

SYAMILAH ZULKIFLI | 14 Jun 2019



Mahazir dipercayai lemas selepas terjatuh ke dalam kolam ketika membaiki lampu di Loji Rawatan Air Sungai Linggi itu kira-kira jam 2.30 petang tadi.

**A<sup>-</sup> A<sup>+</sup>**

SEREMBAN - Seorang kakitangan Syarikat Air Negeri Sembilan(Sains) dipercayai lemas selepas terjatuh ke dalam kolam Loji Rawatan Air Sungai Linggi di Rantau dekat sini hari ini.

Kejadian itu berlaku ketika Mahazir Hanif Idrus, 38, bersama seorang lagi rakan setugas sedang membuat kerja penyelenggaraan kira-kira jam 2.30 petang.

Ketua operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat Rantau, K Putthisigamany berkata, seramai lapan anggota bomba ke lokasi dan tiba pada jam 2.40 petang.

"Kita dapat panggilan daripada rakan mangsa yang beritahu mangsa terjatuh ke dalam kolam ketika sedang betulkan lampu. "Mangsa berjaya dikeluarkan dari kolam yang mempunyai kedalaman 5 meter kira-kira jam 3.30 petang dan disahkan meninggal dunia," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Menurutnya, mayat mangsa yang berpakaian lengkap diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

- lemas

Pertelagahan AS-Iran



## TERKINI | POPULAR

- 1 X70 penyumbang utama jualan tertinggi Proton
- 2 Kepala serigala purba 32,000 tahun ditemui
- 3 Pas istiqamah tolak sebarang bentuk fitnah
- 4 Johor perkasa Klinik Komuniti
- 5 Kanak-kanak orang asli Bateq meninggal dunia

## Maut terjatuh dalam loji rawatan air



BEBERAPA anggota bomba mengangkat mayat mangsa yang lemas selepas terjatuh ke dalam Loji Rawatan Air Sungai Linggi di Rembau hari ini. - UTUSAN ONLINE

### [Haradian Shah Hamdan](#)

14 Jun 2019 5:57 PM

REMBAU - Seorang pekerja Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (Sains) maut selepas terjatuh ke dalam Loji Rawatan Air Sungai Linggi dekat sini hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 2.30 petang itu, mayat mangsa, Mahazir Hanif Idrus, 38, ditemukan oleh anggota bomba yang memberikan bantuan di lokasi kejadian.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Rantau, K. Putthisigamany berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada pukul 2.34 petang.

"Seramai lapan pegawai dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Rantau bersama beberapa buah jentera dikerahkan memberi bantuan.



"Mayat mangsa berjaya ditemukan dan dikeluarkan dari loji sedalam kira-kira lima meter itu pada pukul 3.30 petang," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Putthisigamany berkata, pihak bomba dimaklumkan oleh seorang rakan mangsa bahawa

semasa kejadian mangsa sedang membaiki lampu di titi loji berkenaan, namun terjatuh ke dalam loji.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Seremban, Superintenden Mohd. Rosli Ishak ketika dihubungi mengesahkan pihaknya menerima laporan kejadian dan siasatan masih dijalankan. - UTUSAN ONLINE

Tag Berkaitan

Kemalangan Industri


Kejadian Kecemasan

Terkini

What is your reaction? 3 votes



Gembira




Tak Kisah



Terhibur



Teruja



Marah



Sedih

**Penafian:** Semua Komen di bawah tidak mencerminkan pendirian atau pandangan Utusan, ia merupakan pandangan peribadi penulis.

Comments (0)



Write a comment

Be the first to comment

[Add Vuukle](#) [Privacy](#)

Vuukle

## ARTIKEL BERKAITAN



Dua maut dan dua



Bekerja kilang



**Lelaki Singapura  
putus kepala dalam  
kemalangan**

Terkini

>Negara

>K2

Jurnal

Hiburan

Dunia

Niaga

Sukan

TVKosmo!



\$content.menulist10.value

[Kosmo Online / Negara /](#)

## Pekerja Sains maut terjatuh dalam loji rawatan air

ZULKIFLI MANZOR

14 Jun 2019 6:21 PM



Dalam kejadian kira-kira pukul 2.30 petang itu, mayat mangsa, Mahazir Hanif Idrus, 38, ditemui lemas oleh anggota bomba yang dikerahkan memberikan bantuan.

REMBAU - Seorang pekerja Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (Sains) maut selepas terjatuh ke dalam Loji Rawatan Air Sungai Linggi dekat sini hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 2.30 petang itu, mayat mangsa, Mahazir Hanif Idrus, 38, ditemui lemas oleh anggota bomba yang dikerahkan memberikan bantuan.

Ketua Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat Bentau, K. Putthisigamany berkata, pihaknya  
**Ibu terkejut anak tunggal lakukan seks dengan lima lelaki**

itu pada pukul 2.34 petang.

dan Penyelamat Rantau bersama

[Read Next Story >](#)

"Mayat mangsa berjaya ditemui dan dikeluarkan dari loji sedalam kira-kira lima meter itu pada pukul 3.30 petang," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini hari ini.

Putthisigamany berkata, pihak bomba dimaklumkan oleh seorang rakan mangsa semasa kejadian mangsa sedang membaiki lampu yang terdapat di titi loji berkenaan.

Menurut beliau, mangsa bagaimanapun terjatuh ke dalam loji tersebut semasa sedang melakukan kerja penyelenggaraan itu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Seremban, Superintendan Mohd. Rosli Ishak ketika dihubungi Kosmo! mengesahkan polis menerima laporan kejadian itu.

"Kami masih menyiasat kejadian ini dan maklumat lanjut akan diberikan selepas siasatan selesai dilakukan," katanya. - K! ONLINE

#### Tag Berkaitan

[Kejadian Kecemasan](#)[Masyarakat](#)[Semasa](#)

#### What is your reaction? 4 votes

Powered by Vuukle



0%

Gembira



0%

Tak Kisah



25%

Terhibur



0%

Teruja



0%

Marah



75%

Sedih

**Ibu terkejut anak tunggal lakukan seks dengan lima lelaki**

[Read Next Story >](#)

# Worker drowns at water treatment plant

## NATION

Saturday, 15 Jun 2019

SEREMBAN: A staff member of Syarikat Air Negri Sembilan drowned after he fell into the Sungai Linggi water treatment plant in Rantau during maintenance works.

Rantau fire station operations chief K. Putthisigamany said the victim, identified as Mahazir Hanif Idrus, 38, from Felda Selancar 2 in Segamat, was believed to have fallen into the plant while repairing a lamp post during the 2.30pm incident yesterday,

“We received a distress call at 2.34pm and deployed a team of eight firemen to the site.

“The plant is 5m deep, and its bottom is muddy.

“We waited for the water to be released before bringing the victim out.

“The operation took about 45 minutes,” he said, adding that the victim was confirmed dead by medical officers. — Bernama

## TAGS / KEYWORDS:

**Drown**

## Related News

**NATION** 08 Jun 2019

**Water treatment plant back to normal**

**NATION** 06 Apr 2019

**Five water treatment plants shut down due to ammonia pollution fully operational**

**STOCK ON THE MOVE** 20 Mar 2019

**Quick take: Salcon shares lifted by water treatment plant contact wins**

# Bekalan air di NS mencukupi

**Penjualan air kepada Melaka tak terjejas kerana paras empangan melebihi 95 peratus**

SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Penjualan bekalan air bersih terawat daripada Syarikat Air Negeri Sembilan kepada Kerajaan Negeri Melaka tidak akan menjejaskan bekalan air di negeri ini memandangkan paras air empangan semasa melebihi 95 peratus.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, jumlah penjualan air itu juga bergantung kepada keperluan Melaka dan sekiranya Negeri Sembilan menghadapi masalah bekalan air, penjualan

itu akan dihentikan.

Katanya, Melaka menghadapi masalah pada empangan dan mereka juga bersedia menghadapi musim kemarau bagi sesetengah kawasan pada bulan Julai, Ogos dan September akan datang.


"Kita rasa kita ada kemampuan dan kita berdoa pada masa tersebut (kemarau) agar paras air di empangan kita akan berterusan, sepertimana yang berlaku pada dua bulan lalu di mana empangan kita melebihi 95 peratus, sedangkan di Melaka paras empangan mereka 45 peratus sahaja.

"Jadi kita bantu mereka khususnya di kawasan persempadanan Melaka/Negeri Sembilan untuk kita pastikan bahawa bekalan mereka juga mencukupi untuk rakyat Melaka.

"Sehingga tempoh ini empangan kita penuh tak ada masalah kecuali kalau ada paip pecah, namun sekiranya kita ada masalah (bekalan air) kita akan hentikan bantuan tersebut," katanya selepas mempengerusikan

**Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.**  
BACAAN PARAS EMPANGAN TERKINI DI NEGERI SEMBILAN.

**Tarikh :**  
**26 JUN 2019**



Empangan	Paras Terkini (%)
1 Sg. Terip	94.74%
2 Kelinchi	75.9%
3 Talang	100%
4 Pedas	100%
5 Gemenchah	73.12%
6 Ulu Sepri	100%
7 Teriang	88.16%

Dikemaskini pada 9:00 pagi

Paras bekalan air terkini yang diperolehi melalui portal Syarikat Air Negeri Sembilan.

mesyuarat Exco di sini semalam.

Sementara itu, ketika ditanya hasil yang akan dijana kerajaan negeri bagi penjualan bekalan air bersih terawat itu, Aminuddin berkata, ia bergantung kepada keperluan Melaka.

Katanya, hasil yang dijana dari penjualan ini bergantung kepada penggunaan, kalau Melaka perlukan air paip utama akan dibuka

kepada mereka, bacaan meter akan diambil kira dan nilai bayaran mengikut apa dipersetujui.

"Rakyat negeri ini tidak perlu bimbang, kapasiti air kita di negeri ini mencukupi, jika empangan kita kering kita akan hentikan bekalan kepada Melaka, tapi kita harap Melaka dapat atasi isu air mereka dengan baik," katanya.

Terdahulu, Sinar Harian me-

info

Kerajaan Negeri Melaka akan menerima bekalan air pukal berjumlah 12 juta liter sehari daripada kerajaan Negeri Sembilan menerusi perjanjian persefahaman yang dimeterai Rabu lepas berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2020

laporkan, Kerajaan Negeri Melaka akan menerima bekalan air pukal berjumlah 12 juta liter sehari daripada kerajaan Negeri Sembilan menerusi perjanjian persefahaman yang dimeterai Rabu lepas berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2020.

Menerusi perjanjian itu juga, Syarikat Air Melaka Berhad akan membeli bekalan air bersih terawat daripada Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) pada harga RM1.40 per meter padu bagi kawasan di sempadan negeri Melaka.

# Bekalan air cukup tampung keperluan pengguna

**Seremban:** Bekalan air bersih di Negeri Sembilan cukup untuk menampung keperluan pengguna di seluruh negeri serta beberapa kawasan di Melaka.

Ketika memberi jaminan itu, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata empangan di Negeri Sembilan merekodkan paras air pada 95 peratus dan cukup untuk menyalurkan air tambahan kepada Melaka, sekiranya diperlukan.

“Melaka sedang membuat persiapan untuk musim kemarau pada Julai, Ogos dan September depan dan kita rasakan Negeri Sembilan mempunyai kemampuan (untuk membekalkan air bersih).

“Negeri Sembilan mempunyai air yang mencukupi. Empangan kita pada paras 95 peratus sejak dua bulan lalu tetapi Melaka hanya 44 peratus,” katanya selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Kenderaan Penguat Kuasa Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan 2019 di Wisma Negeri di sini, semalam.

## Masalah kemarau

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, kerjasama itu bagi memastikan bekalan air cukup untuk membantu pengguna di Melaka yang menghadapi masalah kemarau dan jika masalah selesai, bantuan akan dihentikan.

Pada 19 Jun lalu, *BH* melaporkan Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) membekalkan air bersih tambahan kepada Melaka menerusi Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) berkuat kuasa 19 Jun lalu sehingga 31 Disember tahun depan.

Menerusi perjanjian antara dua negeri itu, SAINS akan membekalkan 12 juta liter air bersih tambahan sehari (mld) pada kadar RM1.40 untuk setiap meter padu.

Aminuddin berkata, bekalan dan bayaran air bersih yang disalurkan ke negeri itu bergantung kepada permintaan pengguna di negeri berkenaan.

“Kita gunakan satu saluran, jika Melaka perlukan air, mereka akan buka paip dan setiap sambungan ada meter. Bayaran akan dibuat berdasarkan kiraan meter itu. Setakat ini, tiada gangguan air di Negeri Sembilan,” katanya.



Negeri Sembilan mempunyai air yang mencukupi.

Empangan kita pada paras 95 peratus sejak dua bulan lalu tetapi Melaka hanya 44 peratus ”

**Aminuddin Harun,**  
Menteri Besar Negeri Sembilan